

19 AUG 2000

Selangor-politik/I (Analisis Berita)

PEMILIHAN MB BARU PETUNJUK MASA DEPAN UMNO

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Melantik seorang ahli politik yang tidak dikenali ramai sebagai Menteri Besar Selangor ibarat menjadikan sesuatu yang mustahil itu satu kenyataan, tetapi ia juga memberi isyarat tentang hala tuju yang bakal dilalui oleh Umno selaku tulang belakang kerajaan pusat.

Itulah agaknya rasional di sebalik pemilihan mengejut Dr Mohamad Khir Toyo sebagai Menteri Besar Selangor oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seperti yang diumumkan semalam.

Tiba-tiba saja, Dr Mohamad Khir muncul dari entah mana untuk menduduki kerusi panas itu yang telah menyaksikan dua penyandang sebelum ini "terbakar" dalam tempoh tiga tahun lepas.

Tuduhan kononnya beliau terlibat dalam skandal seks memaksa Datuk Seri Abu Hassan Omar meletak jawatan pada 10 Ogos lepas dan ini menyebabkan imej Umno terconteng pada saat parti itu sedang bangun semula ekoran kemerosotan pada pilihan raya umum 1999.

Dengan memilih Dr Mohamad Khir, yang baru berusia 35 tahun dan tidak langsung tersenarai di kalangan mereka yang diura-ura akan mengambil alih, Perdana Menteri telah menolak mereka yang dianggap oleh beberapa akhbar sebagai mempunyai imej kurang bersih.

Setelah Abu Hassan meletak jawatan, Umno Selangor menghantar senarai 11 nama untuk dipilih oleh Dr Mahathir tetapi perdana menteri nampaknya tidak berkenan walaupun ada antara mereka yang dicalonkan itu berkedudukan kanan atau berpengalaman.

Sesiapa saja yang menjadi Menteri Besar Selangor akan segera menjadi perhatian berdasarkan kedudukan strategik negeri itu.

Sebahagian besar Selangor terletak di kawasan utama industri dan negeri itu juga menempatkan beberapa aset bernilai negara seperti pelabuhan terbesar, Lapangan Terbang Antarabangsa KL dan Koridor Raya Multimedia.

Ia juga tempat wang panas sentiasa bertukar tangan dan ini boleh "memancing" mereka yang berkuasa.

Ramai di dalam dan di luar Umno Selangor terkejut dengan episod Abu Hassan itu khususnya kerana semasa beliau mengambil alih sebagai Menteri Besar tiga tahun lepas, ahli politik yang tidak kontroversi itu dianggap calon paling selamat untuk jawatan itu.

Dr Mahathir mungkin tidak menjangka Selangor maupun Abu Hassan akan menjadi punca masalah kepada beliau kerana selaku perdana menteri dan presiden Umno, beliau terpaksa bergelut dengan banyak lagi kesulitan dalam menguruskan negara dan parti.

Sebelum lagi Dr Mohamad Khir mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar -- mungkin dalam sehari dua ini -- Dr Mahathir telahpun memberikannya ingatan supaya melaksanakan tanggungjawab secara jujur dan jangan terlibat dalam perkara yang tidak sepatutnya.

Bekas Ketua Menteri Sabah Datuk Salleh Said Keruak, yang hanya berusia 37 tahun ketika memegang jawatan itu, berkata: "Saya berpendapat Dr Mahathir mahu mendidik golongan muda sebagai bakal pemimpin. Saya lihat ia sebagai satu strategi mengurangkan birokrasi parti.

"Dengan memilih Menteri Besar yang muda, Dr Mahathir mahu menjamin bahawa Umno sentiasa relevan kepada orang Melayu kerana biasanya, seseorang yang muda itu mengambil masa lama untuk naik."

PAS pula mengemukakan banyak ahli professional sebagai calon semasa pilihan raya lepas dan mereka telah menang.

"Saya berpendapat ini baik untuk Umno ketika ia cuba menarik golongan muda. Umpamanya, anggota-anggota muda dalam parti tahu bahawa mereka juga mempunyai tempat dan akan diberi kedudukan dalam Umno. Saya pasti kita akan terus relevan," kata Salleh.

Katanya beliau yakin Dr Mahathir mahu menghidupkan semula slogan yang beliau anjurkan semasa menjadi Perdana Menteri pada 1981 -- Bersih, Cekap, Amanah.

"Dr Mohamad Khir mempunyai tanggungjawab berat. Beliau terpaksa buktikan beliau boleh bekerja setelah diberi peluang ini. Jika berjaya, beliau akan menarik lebih ramai golongan muda menyertai Umno dan memberikan tenaga yang diperlukan oleh parti," kata Salleh.

Beliau berpendapat Dr Mohamad Khir patut menumpukan tenaga menguruskan negeri manakala urusan parti di negeri itu diserahkan kepada Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang semalam dilantik ketua Badan Perhubungan Umno Selangor.

"Pelantikan Dr Mohamad Khir menarik kerana beliau baru berusia 35 tahun dan menjelang tahun 2020, beliau baru 55 tahun," katanya.

Dr Mohamad Khir, seorang doktor pergigian, mempunyai sebuah klinik di Kajang dekat sini.

Salleh juga berkata hakikat bahawa mereka yang diura-urakan tidak dilantik ke jawatan Menteri Besar Selangor membuktikan bahawa usia, pengalaman dan kedudukan yang kanan, bukan lagi faktor dalam politik.

Beliau percayai Umno telah melangkah ke satu fasa baru.

Malahan bapa kemerdekaan Singapura Lee Kuan Yew, yang berada di sini awal minggu ini untuk lawatan empat hari, mempunyai satu nasihat untuk Umno.

Menteri Kanan Singapura itu berkata : "Jika mereka mengambil langkah yang betul dan menyuntik semula ide asal yang berjaya memacu Umno, dan membawa masuk generasi segar, tidak terlibat dengan politik wang, mempunyai agenda untuk generasi muda itu, saya berpendapat sudah ada orang Melayu yang berpendidikan yang dapat menyediakan program untuk menarik generasi mereka.

"Mereka mempunyai lebih ramai orang berpelajaran, bukan saja di Malaysia tetapi di seluruh dunia, yang mampu menyediakan agenda ini."

-- BERNAMA

AU AU MAI